

Ucapan Aluan

BRIG. JEN. DATUK PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSOLOR UniMAP

BENGKEL SOA PROJEK-PROJEK RMK-10

13 MAC 2014 * PUTRA PALACE

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmaullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zulazhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Foad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha En. Mohammed Nazir Bin Abdul Rahim – Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

Yang Berusaha En. Mohd Yusuf Bin Mat Din - Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

Pn. Ramzah Binti Ahmad – Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan), Unit Perancangan Ekonomi

Pn. Rosnizah Binti Ghazali - Ketua Penolong Pengarah (Elektrik), Unit Perancangan Ekonomi

Penolong-Penolong Pengarah dari Unit Perancangan Ekonomi :

- 1) En. Zulfatah Bin Ibeni
- 2) En. Mohd Khamsin Bin Mohd Zain
- 3) En. Firdaus Bin Ibrahim

Dekan –dekan dan ketua-ketua Jabatan UniMAP, Wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya

Seterusnya peserta-peserta Bengkel Pematuhan Nilai SOA Projek RMK-10 yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, bersyukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya jua dapat saya bersama-sama anda – wakil dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Kerja Raya seterusnya staf-staf UniMAP dalam pertemuan ringkas sempena bengkel pematuhan Nilai SOA yang dianjurkan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua yang ada di dalam dewan ini untuk sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah dan berdoa agar usaha mencari dan menyelamatkan penumpang dan krew penerbangan MH370 dipermudahkan oleh Allah. Semoga segala hijab yang menutupi tragedy ini dibuka dan akhirnya kita dapat petunjuk-petunjuk yang akan menyelesaikan kes ini. Al-Fatihah.

Kampus Pauh Putra

Semenjak penubuhan UniMAP (yang asalnya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia), kami beroperasi di seluruh pelosok negeri Perlis dengan mengambil bangunan-bangunan rumah kedai untuk diubahsuai sebagai makmal, kelas dan juga pejabat.

Sebagai Naib Canselor pertama yang bertanggungjawab memajukan sebuah institusi pengajian tinggi awam di negeri yang kecil ini, saya melihat tanggungjawab ini sebagai satu cabaran yang amat besar.

Namun, saya percaya, kewujudan UniMAP dalam tempoh 12 tahun di sini telah merubah landskap negeri ini secara drastik. Ia membawa impak yang sangat besar terhadap kemajuan negeri Perlis termasuklah dalam bidang pendidikan dan sosioekonomi negeri Perlis.

Alhamdulillah, hasil daripada projek-projek yang RMK ke-8 dan RMK Ke-9, UniMAP kini sudah memiliki kampus tetapnya yang terletak di Pauh Putra. Sebahagian besar operasi telah berpindah ke kampus tetap ini dan sebahagian lagi masih mengekalkan operasi di lokasi sedia ada.

Antara yang telah siap di bina dalam projek RMK 8 dan (yang lalu ialah, bangunan Perpustakaan UniMAP, Kompleks Sukan UniMAP, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Pembuatan, Mikroelektronik, Pusat Kejuruteraan dan juga Kompleks Dewan Kuliah selain pembangunan kolej Kediaman PFI- 1.

Sebagai Naib Canselor, saya ingin mengungkapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan kerana sehingga tahun 2012, hampir RM1.28 BILION peruntukan mengurus telah dihulurkan kepada kami. Sebanyak RM 200 JUTA daripada jumlah ini digunakan untuk membeli peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran selebihnya dimanfaatkan untuk lain-lain belanja mengurus. Disebabkan beberapa keperluan yang agak mendesak, UniMAP telah menampung hampir RM 74 JUTA menggunakan sumber

dalam Universiti untuk tujuan pentadbiran. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UniMAP sebanyak RM1.35 BILION.

Di samping itu, sehingga tahun 2012, Kerajaan juga telah bermurah hati menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak lebih daripada RM 458 JUTA. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 30 JUTA telah digunakan untuk peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Hampir RM 410 JUTA telah digunakan untuk pembangunan infrastruktur fizikal.

Namun demikian, bagi memenuhi keperluan-keperluan pelajar, UniMAP turut membina sebuah surau yang boleh memuatkan 500 jemaah pada satu-satu masa serta Dewan Peperiksaan menggunakan pembiayaan dalaman.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bagi tahun 2014 ini pula, saya dimaklumkan pihak UniMAP telah mendapat peruntukan untuk menjalankan 7 projek baru yang membabitkan jumlah kos projek RM 215 juta. Projek tersebut meliputi:-

Bangunan Canselori,	Kos RM 50 juta
PPK Bahan,	Kos RM 65 juta
PPK Sistem Elektrik,	Kos RM 40 juta
Pusat ICT,	Kos RM 25 juta
Dewan Serbaguna,	Kos RM 25 juta
Bangunan HEP/Jabatan Pembangunan,	Kos RM 5 juta
Reservoir 1.5 MGD,	Kos RM 5 juta

Dan untuk kali ini juga, pihak pengurusan tertinggi UniMAP telah memutuskan untuk melaksanakan sendiri 3 projek daripada 7 projek iaitu Pusat ICT, Jabatan HEPA /Pembangunan dan Dewan Serbaguna (Dewan Besar).

Ia memandangkan, UniMAP sebelum ini juga telah melaksanakan projek pembangunan kampus tetap ini sejak tahun 2006 sepertimana sekarang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Memandangkan projek ini mengambil masa untuk disiapkan, saya men-gharapkan perancangan yang dibuat telah mengambil kira unjuran-unjuran staf dan pelajar yang perlu bagi emmastikan masalah-masalah seperti ruan pejabat tidak mencukupi tidak timbul di masa akan datang.

Besarliah harapan saya selaku Naib Canselor UniMAP agar perancangan ini berjalan lancar dan mendapat keberkatan Allah hendaknya.

Kesungguhan komitmen dan sokongan daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi mencapai satu persetujuan (concensus) untuk dimajukan ke peringkat seterusnya.

Dan saya juga meletakkan harapan agar keluasan ruang SOA dapat dimuktamadkan dengan sebaik mungkin dan dapat menghasilkan sesuatu yang boleh memberikan faedah yang maksimum tanpa menjejaskan objektif dan fungsi projek. Insya Allah.

Akhir kata, semoga kesemua 7 projek ini dapat dilancarkan dengan segera selewat-lewatnya bulan September 2014 oleh agensi pelaksana yang terlibat.

Sekian, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh